

SOALAN-SOALAN LISAN

PERSIDANGAN KEEMPAT MESYUARAT KETIGA TAHUN PERTAMA DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS PERAK DARUL RIDZUAN PADA HARI KHAMIS, 25 MEI 2023

1. YB ENCIK MUHAMMAD FAISAL BIN ABDUL RAHMAN (TRONG)

Baru-baru ini telah dinyatakan oleh YAB Menteri Besar bahawa Tanah Rizab Melayu di Perak telah bertukar hak milik kepada Bukan Melayu kerana pertukaran pemilikan syarikat yang berasal dari orang Melayu kepada bukan Melayu. Bagaimanakah sebuah syarikat atau pertubuhan yang tidak menetapkan syarat bahawa pemilikan syarikat atau pertubuhan mestilah terdiri daripada orang Melayu sahaja boleh dibenarkan oleh seorang Menteri Besar terdahulu mengambil alih tanah berstatus rizab Melayu di Negeri Perak?

2. YB ENCIK GOH SEE HUA (PASIR PINJI)

Negeri Pahang akan mewujudkan rizab alam semula jadi untuk melindungi harimau Malaya.

- a) Apakah pandangan dan cadangan kerajaan negeri dalam usaha melindungi harimau Malaya?
- b) Apakah strategi pemuliharaan alam sekitar dan penghijauan oleh kerajaan negeri untuk melindungi spesies-spesies haiwan yang terdapat dalam negeri?
- c) Apakah spesies-spesies hidupan liar lain yang terdapat di dalam negeri Perak dan usaha-usaha pemulihan populasi hidupan liar tersebut?

3. YB ENCIK NGA KOR MING (KEPAYANG)

Sektor Pelancongan

- a) Pekan lama, Ipoh yang berada di bawah DUN Kepayang merupakan salah satu kawasan hangat industri perlancongan. Sila nyatakan usaha kerajaan negeri dalam usaha menarik lebih ramai pelancong memandangkan tahun ini merupakan Tahun Melawat Ipoh 2023 dan tahun depan merupakan Tahun Melawat Perak 2024.
- b) Sila nyatakan anggaran tambahan bilangan pelancong di Ipoh berbanding dengan tahun 2022 dan jangka pendapatan tambahan daripada anggaran ini.
- c) Sila nyatakan kerajaan negeri dalam menyediakan fasiliti atau kemudahan awam di kawasan perlancongan di dalam kawasan DUN Kepayang dalam masa yang akan datang.

4. YB PUAN NORHASLINDA BINTI ZAKARIA (PANGKOR)

Inisiatif menggantikan teksi di Pulau Pangkor kepada kenderaan elektrik telah diumumkan pada Jun 2020 dengan peruntukan RM10 juta telah disalurkan kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri ketika itu.

Apakah status semasa perolehan ini.

Adakah peruntukan tersebut mencukupi untuk menampung keseluruhan perolehan kenderaan elektrik setelah tertangguh lebih daripada tiga tahun?

Sekiranya tidak, apakah alternatif lain yang sedang diusahakan kerajaan negeri.?

5. YB ENCIK CHEAH POU HIAN (JELAPANG)

Saya difahamkan, anjing liar tidak boleh ditembak hanya dijalankan pembedahan terhadap anjing liar tersebut.

Situasi anjing liar kini semakin serius kerana terlalu banyak di merata-rata tempat.

a) Adakah Kerajaan mempunyai sebarang kaedah untuk mengatasi masalah ini sebelum ia menjadi semakin serius?

6. YB ENCIK CHOONG SHIN HENG (CHENDERIANG)

Bilangan pesakit buah pinggang yang memerlukan rawatan hemodialisis semakin meningkat di Negeri Perak. Sebilangan besarnya adalah daripada golongan berpendapatan rendah.

a) Berapakah jumlah sebenar pesakit ini mengikut daerah di Negeri Perak?

b) Berapa ramaikah yang sedang menerima rawatan melalui kaedah dialisis di pusat-pusat yang dibiayai kerajaan dan berapa ramai yang berada dalam senarai menunggu kelulusan?

c) Apakah langkah dan kaedah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan bagi memastikan semua pesakit yang berpendapatan rendah boleh mendapatkan rawatan hemodialisis ini secara percuma?

7. YB DATO' ABDUL YUNUS BIN JAMAHRI (KUALA KURAU)

Masalah tanah sawah yang lembut atau jerlus menyebabkan hasil padi banyak yang tidak dapat dituai pada musim yang lalu di Daerah Kerian. Apakah tindakan jangka pendek dan jangka panjang agensi yang berkenaan bagi membela nasib pesawah padi yang terjejas.

8. YB ENCIK MOHD HAFEZ BIN SABRI (MANJOI)

MOHD HAFEZ SABRI (Manjoi) mohon Kerajaan Negeri menyatakan status terhadap pengusaha tanaman ladang jagung yang sangat besar kawasannya di lereng bukit Taman Chepor Sentosa.

- (a) Apakah status pemilikan tanah tersebut ?
- (b) Adakah pengusaha tersebut mendapat lesen dan kebenaran daripada pihak berwajib dalam mengusahakan penanaman jagung ?;
- (c) Apakah tindakan kerajaan dalam mengatasi aduan penduduk setempat yang menghadapi banjir lumpur sehingga merosakkan binaan rumah penduduk dan menganggu persekitaran masyarakat setempat akibat daripada penanaman ladang jagung tersebut ?

9. YB ENCIK ROSLI BIN ABD RAHMAN (PASIR PANJANG)

Bermula 31 Mac hingga 6 April 2023, bekalan air telah terputus sepenuhnya di hampir keseluruhan Daerah Manjung akibat kerosakan dan kebocoran di Loji Rawatan Air Telok Kepayang. Bota Perak. Gangguan ini diklasifikasikan kes luar jangka atau kecemasan.

- a. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menangani kes kecemasan seperti ini sekiranya berulang pada masa depan?
- b. Adakah pihak Kerajaan Negeri akan memberi gantirugi kepada mereka yang terlibat terutama golongan peniaga yang terjejas sumber pendapatan akibat daripada krisis ini?

10. YB ENCIK ENCIK MOHD HAFEZ BIN SABRI (MANJOI)

MOHD HAFEZ SABRI (Manjoi) mohon Kerajaan Negeri menjelaskan berkenaan perancangan jangka masa panjang bagi mengatasi masalah ruang tanah yang tidak mencukupi di tanah perkuburan umat Islam untuk menampung kepadatan penduduk di negeri Perak.

- (a) Berapakah peningkatan tahunan kluasan tanah bagi memperuntukkan kepada tanah perkuburan umat Islam seluruh negeri Perak bagi tahun (2018-2022) ?;
- (b) Apakah tindakan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan dalam mengatasi kepadatan tanah perkuburan di Tanah Perkuburan Islam Gurap akibat kepadatan penduduk di Gugusan Manjoi dan sekitar Ipoh ?;
- (c) Apakah inisiatif yang diambil oleh pihak kerajaan dalam menjaga persekitaran tanah perkuburan yang lama ?

11. YB PUAN THULSI THIVANI A/P MANOGARAN (BUNTONG)

Negeri Perak merupakan salah satu negeri yang mempunyai peratusan penduduk warga emas yang lebih tinggi berbanding negeri-negeri lain. Apakah perancangan jangka masa panjang kerajaan negeri bagi mewujudkan negeri yang sesuai dan mesra warga emas bagi menjaga kebajikan dan meningkatkan taraf hidup mereka?

12. YB ENCIK RAHIM BIN ISMAIL (CHANGKAT JERING)

Apakah Pelan Tindakan Kerajaan Negeri berkenaan Prasarana terutama jalan-jalan kampung dan sistem perparitan yang belum dilaksanakan terutama di kampung-kampung tersusun yang telah didiami penduduk?

13. YB ENCIK ONG SENG GUAN (POKOK ASSAM)

Mengikut rekod MPT, Taman Botani Perak telah menerima lebih daripada 42,000 pengunjung pada tahun 2019 apabila ia mula dibuka untuk orang awam .

- 1) Apakah sebab utama bilangan pengunjung berkurangan secara mendadak sehingga lebih kurang 5000 pengunjung sahaja pada tahun 2022 sedangkan Zoo Taiping yang terletak tidak jauh dari Taman Botani telah mencatat bilangan pengunjung yang berkali ganda pada tahun yang sama?
- 2) Apakah usaha yang akan diambil oleh pihak MPT dan kerajaan negeri untuk meningkatkan bilangan pengunjung di Taman Botani Perak?
- 3) Apakah daya tarikan utama Taman Botani ini yang mengenakan bayaran masuk sedangkan ia sebenarnya terletak di dalam Taman Tasik Taiping yang dipenuhi dengan pelbagai tumbuh - tumbuhan juga?

14. YB ENCIK KHALIL BIN YAHAYA (KUBU GAJAH)

Berkaitan isu gelandangan dan ibu bapa tunggal yang ketiadaan waris disebabkan faktor usia dan keuzuran yang memerlukan tempat tinggal misalnya Pusat Jagaan Warga Emas dalam negeri Perak

- a) Merujuk pernyataan di atas, adakah pihak kerajaan bercadang untuk membuka atau membina pusat jagaan di Selama bagi menampung kepadatan warga emas yg telah uzur dan tinggal berseorangan ? Hal ini disebabkan kerana terdapat warga emas dari DUN Kubu Gajah terpaksa dihantar ke Pusat Jagaan Kulim.
- b) Berapakah jumlah yang diperuntukkan kepada golongan berikut yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat ?
 - Orang kurang upaya
 - Ibu tunggal
 - Warga emas

c) Kenaikan harga barang keperluan harian, tarif elektrik, perubatan, harga minyak memberi impak terhadap rakyat secara keseluruhannya. Dari sudut pandangan pihak kerajaan, adakah jumlah sumbangan tersebut mencukupi atau perlu ditambah nilai ke suatu jumlah yg lain?

15. YB ENCIK MOHD AKMAL BIN KAMARUDIN (SELAMA)

STATUS PEMASANGAN AIR

Bertahun sudah Kampung Banggol Durian, Gunung Inas tidak mendapatkan bekalan air bersih menerusi paip bermeter kerajaan sedangkan permohonan telah dibuat sejak tahun 2019.

1. Apa status terkini dan ulasan jabatan berkaitan berkenaan permohonan penduduk di kawasan tersebut berkenaan isu pemasangan paip air bermeter?

16. YB PUAN WASANTHEE A/P SINNASAMY (HUTAN MELINTANG)

Keagamaan, bantuan dan rumah ibadat.

a) Berapakah dana yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Perak untuk pembangunan kuil Hindu dan berapakah jumlah kuil Hindu yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Perak serta berapa banyak tapak yang digazetkan bagi pembinaan kuil mengikut dun di dalam Negeri Perak sehingga sekarang?

b) Apakah mekanisma yang digunakan untuk memastikan bahawa adakah seseorang yang benar-benar layak sahaja dapat menerima zakat dapat dikenalpasti dan apakah jenis-jenis bantuan zakat serta kelayakan yang dikenakan keatas pemohon serta mohon senaraikan jumlah penerima bantuan zakat secara terperinci mengikut dun dalam Negeri Perak sehingga kini?

c) Apakah perancangan dan cadangan yang sedang dijalankan atau sedang dirangka oleh Kerajaan Negeri Perak untuk memperkuatkannya dan memartabatkan lagi Sekolah-sekolah Agama termasuk Maahad Tahfiz di dalam Negeri Perak dari segi kualiti silibus, kualiti guru dan infrastruktur?

17. YB PUAN BAVANI A/P VERAIAH (MALIM NAWAR)

PROJEK PERUMAHAN DI DUN MALIM NAWAR

a) Berapakah jumlah projek perumahan yang dibangunkan di kawasan DUN Malim Nawar khususnya berhampiran Kg Air Hitam Labu, Kampar?

b) Sila pecahkan mengikut projek yang telah, sedang dan akan dibina.

c) Nyatakan jumlah permohonan dan senaraikan nama pemaju yang terlibat dalam projek perumahan tersebut.

18. YB PUAN JENNY CHOY TSI JEN (CANNING)

Liputan UNIFI

Senaraikan taman di dalam DUN Canning yang masih tiada liputan UNIFI.

19. YB ENCIK BERHANUDIN BIN AHMAD (MANONG)

Sejarah kesultanan Perak sangat penting untuk didedahkan kepada masyarakat khususnya generasi muda. Adakah kerajaan bercadang untuk membina Galeri Kesultanan Perak di Kuala Kangsar sebagai tarikan baharu pelancong ke Perak dan Kuala Kangsar khususnya?

- Adakah tapak dan peninggalan (tiang masjid) Masjid Kg Pachat, Manong telah diwartakan sebagai tapak warisan di negeri Perak?
- Apakah usaha-usaha kerajaan negeri untuk memelihara dan memulihara tapak, monumen dan bangunan warisan di negeri Perak?

20. YB ENCIK CHOONG SHIN HENG (CHENDERIANG)

Jawatankuasa khas rumah ibadat dalam kawasan gua batu kapur telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan memantau segala perkembangan yang membabitkan rumah ibadat dalam gua batu kapur.

- Adakah Jawatankuasa khas rumah ibadat dalam kawasan gua batu kapur masih berfungsi, siapakah ahli jawatankuasa?
- Apakah status pemohonan perizinan 14 pengusaha rumah ibadat bertapak di gua batu kapur yang dapat notis daripada PTG ? Mereka telah mengemukakan permohonan borang jadual 1 dan dokumen permohonan secara rasmi untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri pada 15 Feb 2022.
- Atas implikasi kos yang tinggi bagi menjalankan penilaian geoteknikal, adakah Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah wang sumbangan kepada 14 pengusaha rumah ibadat bertapak di gua batu kapur untuk mengkaji status keselamatan semasa dan penilaian geoteknikal?

21. YB ENCIK JASON NG THIEN YEONG (ASTAKA)

YB Jason Ng Thien Yeong (ASTAKA) minta Menteri Besar untuk menjelaskan:-

- Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk Loji Rawatan Air Kg Teluk Kepayang yang kerap menghadapi kerosakan, hentikerja dan masalah teknikal yang menyebabkan gangguan bekalan air secara kerap di Sitiawan, Ayer Tawar, Seri Manjung dan sebagainya?
- Apakah garis panduan operasi standard (SOP) bagi Lembaga Air Perak dalam menangani gangguan air terutamanya gangguan air yang melebihi 24 jam?
- Adakah Lembaga Air Perak akan membayar pampasan kepada kerugian kepada pengguna-pengguna yang mengalami kerugian akibat daripada gangguan air yang berpanjangan?

22. YB ENCIK TIW TEE SIANG (TRONOH)

Pengutipan sampah di Kg Baru Bali dan Kg Baru Nalla masih tidak dimaksudkan dalam sistem pengutipan sampah luar kawasan PBT. Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk memasukkan kedua-dua tempat tersebut dalam sistem pengutipan sampah luar kawasan PBT?

23. YB PUAN WONG MAY ING (PANTAI REMIS)

Isu Pewartaan Kawasan Perlindungan di Sepanjang Persisiran Pantai Pasir Panjang, Segari.

- a. Adakah kerajaan negeri merancang untuk mewartakan Persisiran Pantai Pasir Panjang, Segari sebagai Kawasan Perlindungan?
- b. Jikalau ya, bilakah kerajaan negeri merancang untuk memulakan proses ini dan bila dijangka akan siap serta kos yang diperlukan?
- c. Jikalau tidak, bagaimana kerajaan negeri akan mengendalikan ancaman aktiviti industri yang semakin meningkat terhadap penyu yang mendarat untuk bertelur?

24. YB ENCIK ABDUL AZIZ BIN BARI (TEBING TINGGI)

Mohon kerajaan negeri memaklumkan status Tanah Rezab Melayu di negeri Perak dalam tempuh lima tahun kebelakangan

25. YB ENCIK NGA KOR MING (KEPAYANG)

Kesesakan lalulintas

- a) Kenderaan semakin hari semakin bertambah. Sila terangkan usaha yang diambil oleh kerajaan negeri dalam menggalakkan penggunaan pengangkutan awam serta penambahan kekerapan pengangkutan awam dalam negeri terutamanya di kawasan-kawasan komersial.
- b) Sila nyatakan langkah atau inisiatif kerajaan negeri dalam mengatasi kesesakan lalulintas di bawah DUN Kepayang yang semakin bertambah serius terutamanya pada hari cuti.
- c) Sila nyatakan kos yang telah digunakan bagi menambahbaik fasiliti jalan raya untuk penampungan bilangan kenderaan yang semakin bertambah di atas jalan raya dalam 5 tahun yang lepas.

26. YB ENCIK MOHAMAD FAKHRUDIN BIN ABDUL AZIZ (KAMUNTING)

Jabatan Pendaftaran (JPN) Kamunting

1. Berapakah jumlah semua Permohonan yang di terima

2. Penduduk sekitar kawasan mana yang banyak berurusan dengan Pejabat Pendaftaran ini
3. Berikan jumlah permohonan lewat daftara kelahiran di seluruh cawangan di Negeri Perak

27. YB CIK JENNY CHOY TSI JEN (CANNING)

Pusat Jagaan Rumah Orang Tua

Senaraikan pusat jagaan rumah orang tua dalam negeri Perak yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak.

28. YB PUAN WONG MAY ING (PANTAI REMIS)

Perkhidmatan ambulans yang tidak mencukupi, apakah langkah-langkah kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini? Sila senaraikan juga bilangan kes ambulans yang sampai ke tempat panggilan melebihi 20 minit dari tahun 2015 hingga 2022

29. YB ENCIK MUHAMMAD ZULFADLI BIN ZAINAL (SLIM)

Adakah pihak kerajaan mengambil serius berkaitan isu peneroka Felda terutama isu penurunan harga sawit yang disebabkan serangan ulat pemakan daun (Ulat Bungkus Metisa Pelana).

1. Adakah Kerajaan tangani isu lambakan pasir di Lot ladang peneroka Felda khusus di Dun Slim?